

20 SEP 2002

Belanjawan-Sumber Manusia

DANA RM100 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Sebuah dana geran latihan pekerja berjumlah RM100 juta akan ditubuhkan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dana ini akan disalurkan kepada syarikat swasta untuk membiayai latihan kakitangan mereka yang terlibat dalam aktiviti R&D," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap usaha-usaha menambah bilangan dan kualiti tenaga mahir untuk memenuhi kehendak pasaran.

"Negara sedang berganjak ke arah ekonomi baru berasaskan ilmu pengetahuan. Untuk memastikan ini berjalan lancar, negara memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran," kata Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan.

Bagi tujuan ini, katanya peruntukan sebanyak RM1.62 bilion disediakan kepada Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pembangunan Usahawan untuk melaksanakan pelbagai program latihan kemahiran, termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur dan membiayai perbelanjaan pengurusan.

Dr Mahathir berkata Kementerian Sumber Manusia akan menerima peruntukan RM621 juta bagi melaksana dan menguruskan 29 projek latihan perindustrian dan pusat latihan kemahiran dengan kapasiti 18,200 orang pelatih.

Selain itu, sebanyak RM410 juta diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksana dan meningkatkan kemudahan sejumlah 25 projek Institut Kemahiran Belia Negara, yang berupaya melatih seramai 12,600 orang.

Kementerian Pembangunan Usahawan pula, diperuntukkan sejumlah RM355 juta untuk menyiapkan sebanyak 33 projek Institut Kemahiran Mara yang berkeupayaan melatih seramai 49,600 orang pelatih dalam pelbagai peringkat kemahiran.

-- BERNAMA

SR MFJ MOZ